



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**28 DISEMBER 2021 (SELASA)**



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

**28 DISEMBER 2021 (SELASA)**

HARI : SELASA  
TARIKH : 28/12/2021  
M/SURAT : 8

## KPDNHEP Selangor tingkat pemantauan harga

**Shah Alam:** Segelintir peniaga mengambil kesempatan dalam keadaan orang ramai ditimpa musibah dengan menjual barang keperluan pada harga tidak manusiahan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah, berkata sebanyak 1,446 premis borong dan runcit diperiksa sehingga kelmarin di bawah Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia yang berkuat

kuasa hingga 31 Disember.

"KPDNHEP mengesan lima kes, iaitu tiga kes di bawah kesalahan gagal menggunakan tandas harga khas dan dua kes membabitkan menjual melebihi harga maksimum.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan di bawah skim ini mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Secara keseluruhannya prestasi pematuhan peniaga di seluruh Selangor pada tahap yang

memuaskan dan peniaga terus dinasihatkan agar kekal beri kerjasama untuk konsisten mematuhi skim ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Muhamad Zikril Azan berkata, penguat KPDNHEP Selangor kini berada di pasar awam, pasar tani dan pasar raya untuk memeriksa dan memantau.

"Langkah ini mencerminkan usaha yang berterusan bagi melindungi Keluarga Malaysia daripada pengambilan keuntungan secara berlebihan oleh peniaga

tidak beretika.

"KPDNHEP Selangor turut mempertingkat pemantauan harga melalui Pegawai Pemantau Harga yang menjalankan pemantauan harga barang keperluan asas di seluruh Selangor," katanya.

"Beliau berkata, bagi pengukuran pematuhan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas pula, seramai 260 penguat kuasa digerakkan di Selangor.

"SHMMP Krismas 2021 yang

berkuat kuasa pada 23 Disember sehingga 31 Disember ini membabitkan 12 jenis barang meliputi ayam, telur ayam dan sayur-sayuran.

"Pelaksanaan kedua-dua skim ini amat bertepatan dengan keadaan semasa, iaitu bencana banjir yang dihadapi sebahagian rakyat Selangor agar dapat menikmati harga runcit barang keperluan harian pada paras stabil dan tidak menekan dalam pemuliharan daripada bencana banjir," katanya.

## Ambil kesempatan jual barang mahal

**Shah Alam:** Masih wujud segelintir peniaga dikesan mengambil kesempatan dalam keadaan rakyat ditimpa musibah akibat banjir dengan menjual barang keperluan pada harga tidak munasabah.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdul-lah berkata, sebanyak 1,446 premis borong dan runcit diperiksa sehingga semalam di bawah Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia yang berkuatkuasa hingga 31 Disember.

"KPDNHEP mengesan lima kes iaitu tiga kes kesalahan gagal menggunakan tanda harga khas dan dua kes membabitkan menjual barang melebihi harga maksimum.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Bagaimanapun, secara keseluruhannya prestasi pematuhan peniaga di seluruh Selangor adalah pada tahap yang memuas-

kan dan peniaga terus di-nasihati kekal memberi kerjasama mematuhi skim ini," katanya.

Muhamad Zikril Azan berkata, penguat kuasa KPDNHEP Selangor kini giat berada di lokasi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan.

"Langkah ini mencerminkan usaha berterusan bagi melindungi Keluarga Malaysia daripada aktiviti pengambilan keuntungan berlebihan oleh peniaga tidak beretika.

"KPDNHEP Selangor turut mempertingkatkan pemantauan harga melalui Pegawai Pemantau Harga (PPH) yang menjalankan pemantauan harga barang keperluan asas di seluruh Selangor," katanya.

Dalam pada itu, katanya, bagi penguatkuasaan pematuhan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas pula, seramai 260 penguat kuasa digerakkan di seluruh Selangor.

HARI : SELASA  
TARIKH : 28/12/2021  
M/SURAT : 4

**TAKING ADVANTAGE OF FLOODS**

## Ministry keeping an eye on profiteering traders

**SHAH ALAM:** A handful of traders have been found to be taking advantage of the floods by selling essential goods at unreasonable prices.

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry state director Muhamad Zikril Azan Abdullah said up to Sunday, 1,446 wholesale and retail premises had been inspected under the Keluarga Malaysia Ceiling Price Scheme, which is in effect until Dec 31.

"The ministry's state branch detected five cases, namely three under the offence of failing to use special price tags and two cases of selling goods above the ceiling price."

Action will be taken against traders who fail to comply with the scheme under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

"However, overall, the compliance rate of traders throughout Selangor is at a satisfactory level, and they have been advised to remain cooperative with the scheme," he said yesterday.

Zikril said the ministry's state branch had amplified its presence at public markets, farmers markets and supermarkets for inspections and monitoring efforts.

"This move reflects the ongoing efforts to protect Keluarga

Malaysia from excessive profit-taking activities by unethical traders.

"The ministry's state branch has also improved price monitoring efforts through officers who are constantly keeping an eye on the prices of essential items in Selangor," he said.

On the enforcement of the Maximum Price Scheme for the Christmas Season, Zikril said 260 enforcement officers had been mobilised in the state.

"The scheme for this year's Christmas season, starting from Dec 23 to 31, involves 12 items, including chicken, eggs and vegetables."

## 'MyPrice Dashboard' pantau harga barang keperluan terpilih

**PUTRAJAYA** - Perubahan harga harian barang keperluan terpilih kini boleh dipantau melalui MyPrice Dashboard.

Dibangunkan oleh Jabatan perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kolaborasi bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) MyPrice Dashboard boleh dicapai melalui pautan <https://tinyurl.com/MyPriceDOSM>, mempamerkan harga barang harian mulai 7 Disember.

Dalam satu kenyataan, Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, MyPrice Dashboard mempunyai empat kategori utama barang keperluan terpilih iaitu ayam, daging dan telur; sayur-sayuran; ikan dan makanan laut serta buah-buahan.

Harga yang dipaparkan di MyPrice Dashboard adalah berdasarkan kepada tiga sumber iaitu harga yang diperoleh daripada pemantauan KPDNHEP, data perangkak dan pungutan harga oleh anggota DOSM di outlet terpilih.

"MyPrice Dashboard akan dikemas kini secara berkala untuk manfaat rakyat dan juga kerajaan khususnya dalam memantau perubahan harga," katanya.

Di peringkat permulaan, MyPrice



MOHD UZIR MAHIDIN

Dashboard mempunyai 36 barang keperluan terpilih termasuk 12 barang Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) dan buat masa ini, MyPrice Dashboard meliputi 137 outlet seluruh Malaysia.


Mohd Uzir berkata, pemilihan 36 item tersebut adalah berdasarkan kepada item yang paling banyak digunakan dan menjadi pilihan kebanyakan isi rumah di Malaysia.

"MyPrice Dashboard bertujuan membekalkan harga harian bagi barang keperluan tersebut kepada pelbagai pihak serta membolehkan kerajaan memantau dan menganalisis trend perubahan harga yang berlaku," katanya sambil menambah ia juga akan membantu isi rumah dalam mendapatkan maklumat yang lebih baik mengenai harga daripada sumber yang dipercayai.

Mengenai kesan harga barang berikut banjir baru-baru ini di beberapa negeri, beliau berkata, ia tidak memberi impak yang besar kepada paras harga keseluruhan.

"Namun dijangkakan terdapat kecenderungan untuk berlaku kenaikan bagi barang-barang yang mengalami peningkatan permintaan yang mendadak seperti peralatan rumah," katanya. -Bernama

HARI : SELASA  
TARIKH : 28/12/2021  
M/SURAT : 16

	Ayam <b>RM7.99</b>	Telur Gred A <b>RM12.25</b>	Gula Pasir <b>RM2.85</b>	Cili Merah <b>RM9.90</b>
Senarai Harga Barang Keperluan	Daging Lembu Tempatan <b>RM40</b>	Ikan Kembung <b>RM16.99</b>	Bawang Besar Holland <b>RM2.49</b>	Kubis Bulat Tempatan <b>RM6</b>
	Daging Lembu Import <b>RM28.90</b>	Minyak Masak <b>RM6.50</b>	Bawang Putih <b>RM5.50</b>	Tepung Gandum <b>RM2.25</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP